

29/06/2002

Pemilihan Puteri Umno mungkin ditangguh

SHAH ALAM, Jumaat - Pemilihan peringkat jawatankuasa cawangan dan bahagian Pergerakan Puteri Umno yang dijangka bermula Julai ini, mungkin ditangguhkan berikutan pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit dan Parlimen Pendang.

Ketua penaja pergerakan itu, Azalina Othman Said, berkata pihaknya sepatutnya membincangkan mengenai pemilihan itu sekarang, selepas Umno meluluskan pindaan perlembagaan parti bagi membolehkan Puteri diterima secara rasmi sebagai sayap barunya pada perhimpunan agung lalu.

Bagaimanapun, katanya, ia terpaksa ditangguhkan kerana Puteri kini mengadakan latihan simulasi pilihan raya sebagai pendedahan kepada ahlinya, terutamanya menjelang pilihan raya DUN Anak Bukit dan Parlimen Pendang.

"Kita sepatutnya fikir meneruskan aktiviti dalaman dan mewujudkan lebih banyak cawangan dan pemilihan tetapi pilihan raya di Kedah menyebabkan kita turun padang dan perkara itu ditangguhkan dulu.

"Isu dalam Puteri kita tangguhkan dulu sebab menumpukan tenaga dan kepakaran dalam pilihan raya itu. Kita fokus satu persatu dan memang tugas kami untuk menentukan kemenangan calon BN," katanya selepas mempengerusikan bengkel sempena Dialog Asia-Eropah bertajuk Wanita dan Lelaki Sebagai Ejen Perubahan Politik, di sini hari ini.

Azalina berkata, sejak penubuhannya 12 bulan lalu, Puteri terbabit dalam tiga pilihan raya kecil di Likas, Indera Kayangan dan Ketari tetapi setiap pilihan raya memerlukan pendekatan berbeza.

Beliau menjangkakan pilihan raya kali ini memberi pengalaman baru kepada Puteri kerana ia berlaku di kawasan luar bandar yang menjadi antara kubu kuat Pas.

Katanya, Puteri dijangka menumpukan aktiviti teknologi maklumat di kawasan pilihan raya itu, selaras nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan peranan Puteri lebih kepada bidang berkenaan.

(END)